

PEMBUBARAN PERKAHWINAN DI NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM MENURUT AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN  
MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI, PENGGAL 77

HAJAH SAADIAH BT. HAJI TAMIT  
(G 9712122)

Kertas projek ini adalah satu latihan ilmiah  
untuk memenuhi sebahagian daripada Diploma Undang-Undang Dan

Pentadbiran Kehakiman Islam

(Under the Law and Adm.  
of the Islamic Judiciary).

Sesi 1997 / 1998

Kulliyyah Undang-Undang

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Gombak, Selangor



## **PENGAKUAN**

“Saya akui kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”



(HAJAH SAADIAH BT. HAJI TAMIT)

12hb. November 1998

## **DEDIKASI**

Saya tujukan untuk Allahyarham ayahanda D.D. Wijaya Haji Tamit, bonda Hajah Jainah bt. Metamit, ayahanda mertua Haji Baki b. Haji Mohd Salleh, bonda mertua, Hajah Silih bt. Yusuf, suami yang tersayang Haji Metussin b. Haji Baki, anak-anak, pensyarah-pensyarah Universiti Islam Antrabangsa dan Ulama-Ulama Islam. Semoga Allah memberi pengampunan, rahmat di dunia dan akhirat.

**AMIN YA RABI AL- ALAMIN**

## **ABSTRAK**

Perceraian adalah satu krisis yang paling menekan mengganggu adaptasi sistem keluarga. Perceraian memerlukan penyusunan semula pada tingkat penyesuaian yang baru. Perceraian akan mendatangkan kesan sosial yang melibatkan maruah dan harga diri serta kegembiraan dalam hubungan suami isteri. Selain dari itu ianya melibatkan juga kesengsaraan dari segi ekonomi yang menyebabkan kehidupan kurang teratur.

Memandangkan tahap pembubaran perkahwinan di Brunei sangat tinggi peratusannya maka kajian ini dirasakan perlu bagi menyingkap permasalahan kenapa peratus pembubaran perkahwinan terus meningkat. Kajian ini difokuskan kepada peruntukan undang-undang, pentadbiran, prosedur mahkamah dan juga untuk mengenal pasti sebab-sebab berlakunya pembubaran serta langkah-langkah yang patut diambil untuk membendung dan mengatasinya.

Kertas projek ini mengandungi lima bab. Dalam bab pertama membincangkan dengan ringkas sejarah peruntukan undang-undang keluarga Islam yang meliputi undang-undang pembubaran perkahwinan di negara Brunei Darussalam bermula dari campurtangan Inggeris dalam perundangan hinggalah sekarang (1847-1997).

Bab kedua membincangkan jenis-jenis pembubaran perkahwinan yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Islam dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77. Turut dibincangkan juga pelaksanaan pembubaran perkahwinan serta kajian kes-kes yang terdapat di Mahkamah-Mahkamah Kadi di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Bab ketiga membincangkan beberapa sebab yang boleh membawa kepada pembubaran perkahwinan. Dalam bab keempat pula perbincangan mengenai kesan-kesan pembubaran perkahwinan menurut Undang-Undang Islam dan juga menurut Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 dibuat. Kesan-kesan itu ialah nafkah *'iddah*, nafkah anak, *mut'ah*, hak pemeliharaan dan penjagaan anak serta harta sepencarian.

Bab lima merupakan rumusan dan kesimpulan dari perbincangan di dalam bab satu hingga bab empat. Dalam bab ini beberapa cadangan juga dibuat untuk mengatasi atau mengurangi masalah- masalah yang timbul hasil dari perbincangan tersebut.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah s.w.t dan salawat serta salam ke atas junjungan pemimpin besar kita Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat-sahabat baginda.

Alhamdulillah saya panjatkan syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya jua serta taufiq dan hidayatNya dapatlah saya menyiapkan kertas projek ini sebagai satu latihan 'ilmiyyah bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam bagi sesi 1997/1998.

Dalam usaha menyiapkan kertas projek ini dengan amat rasa sukacita saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan, terutamanya Dr. Mohammad Deen b. Mohd Napiah, penyelia bagi kertas projek ini yang telah banyak memberikan pandangan, bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berguna untuk kesempurnaan kertas projek ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Prof. Dato Dr. Haji Mahmud Saedon b. Awang Othman, Pakar Undang-Undang Islam, Dr. Haji Maghfur b. Haji Osman, Dekan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam dan semua

pensyarah Kulliyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga saya tujukan kepada mereka yang memberikan berbagai-bagai pertolongan, kemudahan, perkhidmatan, kerjasama dan maklumat penyelidikan kepada saya. Di antaranya ialah Awang Haji Abd. Rahman b. Jais (Pendaftar, Mahkamah Kadi Besar Brunei), Awang Haji Alim b. Haji Abdullah (Pendaftar, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara), Ustazah Hajah Saadah bt. Haji Jalil (ketua Unit Khidmat Nasihat Keluarga Daerah Brunei dan Muara), Awang Kamaluddin b. Hj Adam (Penolong Pendaftar Mahkamah Kadi Daerah Tutong), Dayang Juana bt. Hj Johar (Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga Daerah Tutong), Awang Hj Isa b. Hj Singil (Pendaftar, Mahkamah Kadi Daerah Temburong), Waziriah bt. Hj Ibrahim (Pegawai Khidmat Nasihat Keluarga Daerah Temburong), Awang Untung b. Asmat (Pendaftar, Mahkamah Kadi Daerah Kuala Belait). Pegawai-pegawai dan kakitangan Perpustakaan UIA, Perpustakaan Pusat Islam Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Arkib Muzium Brunei dan Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam.

Penghargaan istimewa saya tujukan kepada suami saya Haji Metussin b. Hj Baki yang telah memberi pandangan dan bimbingan untuk menyiapkan kertas projek ini dan anak saya, Halimatussaadah Hj Metussin yang telah banyak meluangkan masanya menaip kertas projek ini.

## TUJUAN KAJIAN

Pernikahan atau perkahwinan dari segi bahasa bererti mencampurkan atau menambah atau membanyakkan. Dari segi istilah syara' ianya adalah suatu akad yang ditentukan oleh Allah untuk menghalalkan pergaulan antara lelaki dan perempuan yang kemudiannya disebut suami dan isteri dalam bentuk yang dikehendaki oleh syarak. Dengan pernikahan itu bertanggung ke atas tiap-tiap suami dan isteri tersebut hak dan kewajipan ke atas satu sama lain.

Pernikahan di antara lain bertujuan untuk menyempurnakan keperluan jasmani dan rohani berasaskan pergaulan yang baik dan niat yang suci serta ikhlas seperti yang ditetapkan oleh aqidah, syara' dan akhlak. Suatu pernikahan yang tidak mencapai kebahagiaan dan kesefahaman di antara suami dan isteri, biasanya menimbulkan masalah. Oleh itu pembubaran perkahwinan adalah sebagai jalan terakhir untuk keluar dari permasalahan ini. Walaupun pembubaran perkahwinan suatu perbuatan yang halal tetapi ia dibenci oleh Allah Ta'ala. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

“Sebenci-benci perkara yang halal di sisi Allah ialah talak.”<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Muhammad b. Ali b. Muhammad al- Syawkani, *Nail al-Awtar*, ( Mesir : Maktab al-Kulliyah al-Azhariyah, 1978), juz 8, hlm. 3

Memandangkan tahap pembubaran perkahwinan di Brunei sangat tinggi peratusannya dari tahun ke setahun, maka kajian ini dirasakan perlu untuk menyingkap permasalahan kenapa fenomena ini terus berlaku. Kajian ini difokuskan kepada peruntukan undang-undang, pentadbiran dan prosedur mahkamah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sebab-sebab berlakunya pembubaran serta langkah-langkah yang patut diambil untuk membendung dan mengatasinya.

Di antara tujuan kajian ini dilakukan ialah :

- 1) Untuk mengetahui sejauh mana peruntukan undang-undang pembubaran perkahwinan itu menepati kehendak syara' ataupun sebaliknya.
- 2) Untuk mengetahui prosedur pentadbiran pembubaran perkahwinan yang perlu diikuti oleh pihak-pihak berwajib di Mahkamah-Mahkamah Kadi di Negara Brunei Darussalam. Dengan penelitian ini akan dapat dikenal pasti peringkat manakah yang selalu berlaku masalah yang boleh menjejaskan prosedur mahkamah. Dengan cara ini dapatlah diambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasinya.
- 3) Untuk mengetahui sebab-sebab berlakunya pembubaran perkahwinan dan juga untuk mengutarakan beberapa langkah yang difikirkan perlu untuk mengatasi dan mengurangi kadar pembubaran perkahwinan tersebut.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penulisan ini menggunakan beberapa metod kajian bertujuan mengumpul data - data maklumat di antaranya :

### **A. Metod Pengumpulan Data**

#### **i) Perpustakaan**

Kajian ini memerlukan data-data serta maklumat-maklumat berkaitan dengan hukum syara' dan undang-undang. Oleh sebab itu kajian perpustakaan sangat diperlukan untuk merujuk kitab-kitab, buku-buku, undang-undang keluarga khasnya Muhammadan Laws Enactment (no.1 of 1912), The Muhammadan Marriage and Divorce Enactment (no.3 of 1913), Brunei Order in Council 1924 (no.1of 1924), Additional Muhammadan Laws, Brunei 195/1924, Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (no. 20 of 1955), Religious Council and Kathis Courts Act, Chapter 77 of the Laws of Brunei Darussalam.

Data-data dan maklumat diperolehi dari beberapa buah perpustakaan di Malaysia iaitu Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Pusat Islam, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Malaya. Di

Brunei pula ialah Universiti Brunei Darussalam, Perpustakaan Pusat Dakwah dan Arkib Muzium Brunei.

## ii) Metod Temubual

Metod ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data-data khasnya mengenai laporan kes, statistik penceraian, prosedur pentadbiran pembubaran perkahwinan dan lain-lain. Untuk memperolehi maklumat dan data-data ini maka metod temubual digunakan dengan menemubual beberapa orang yang mempunyai otoriti iaitu pegawai-pegawai Mahkamah-Mahkamah Kadi, Jabatan Hal Ehwal Syari'ah, Unit Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Pendaftaran Nikah Cerai dan lain-lain lagi.

## B. Metod Analisis Data

Analisis data yang dirujuk kepada reduksi data adalah proses mengecilkan data untuk dijadikan suatu bentuk yang sesuai bagi analisis.<sup>2</sup> Dalam kajian ini digunakan beberapa metod analisis data.

---

<sup>2</sup> Kenneth D. Bailey, *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terjemahan : Hashim Awang, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pusaka, 1984), hlm.480.

### **i) Metod Induktif**

Metod pengitlakan iaitu pengitlakan empiris<sup>3</sup> dengan cara membuat kesimpulan dari beberapa data dan maklumat khusus yang dianalisa untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

### **ii) Metod Deduktif**

Metod Deduktif dilakukan dengan cara membuat kesimpulan dari dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar kesimpulan khusus.<sup>4</sup>

### **iii) Metod Komparatif**

Metod ini dilakukan dengan membuat kesimpulan dari perbandingan semua fakta dan data yang diperolehi.

---

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 551.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 737.

## **SENARAI STATUT**

- 1 **Hukum Kanun Brunei**
- 2 **Muhammadan Laws (Enactment no. 1 of 1912)**
- 3 **Muhammadan Marriage And Divorce (Enactment no. 3 of 1913)**
- 4 **Brunei Order In Council 1924 ( no. 1 of 1924), Additional Muhammadan Laws  
Brunei 1954**
- 5 **Religious Council And Kathis Courts Enactment (no. 20 of 1955)**
- 6 **Perlembagaan Brunei 1959**
- 7 **Religious Council and Kathis Courts Act, Chapter 77 of the Laws of Brunei  
Darussalam**

## SENARAI KES

1. Abang Perwira b. Abang Taha lwn. Aisah bt. Haji Maidin, M.K.B. 2/1996, Mahkamah Kadi Daerah Temburong.
2. Aman b. Mohd. Zain lwn. Rokiah bt. Tajudin, M.K.B. 5/97, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
3. Abd. Rahim b. Haji Tengah lwn. Rositawati bt. Sabin, M.K.B. 121/95, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
4. Awang Abu Bakar b. Awang Damit lwn. Dayang Damit bt. Haji Abd. Lakat, M.K.B. 140/93, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
5. Awang Doming b. Buntar lwn. Norlinawati bt. Abdullah, M.K.B. 86/94, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
6. Asmali b. Hj Ibrahim lwn. Siti Maslinda bt. Barudin, M.K.B. 4/1995, Mahkamah Kadi Daerah Temburong.
7. Haji Rosli b. Salim lwn. Hajah Dayang Intan bt. Haji Jeludin, M.K.B. 40/93, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
8. Hj Abd. Hamid b. Hj Sawal lwn. Hj Suryani bt. Ahmad @ Anih, M.K.B. 16/1995, Mahkamah Kadi Daerah Temburong.
9. Haji Md. Judin b. Haji Serudin lwn. Nora bt. Abdullah @ Nora Evanglesita, M.K.B. 73/95, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
10. Hajah Lijah bt. Jamal lwn. Fatimah bt. Mat Diah (1950) MLJ 63.

11. Hajah Mariam bt. Haji Muhammad Daud, Bil (85) dalam M.K.B. 3/1967.
12. Haji Amit bt. Bakar lwn. Haji Bungsu b. Hashim, M.K.B. CM 7/1984, Mahkamah Kadi Besar.
13. Jahar b. Satrin lwn. Hajah Jalimah bt. Haji Metussin, M.K.B. 186/96, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
14. Latifah bt. Haji Ahmad lwn. Mursalim b. Abu, M.K.B. 18/96, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
15. Merusin b. Salleh lwn. Pengiran Kasta bt. Pengiran Mumin, K.M.B. 69/95, KB/11/1996, Mahkamah Kadi Daerah Belait.
16. Mastiah bt. Mohd. Elaun lwn. Awang Khamis b. Ali Hashim, M.K.B. CM 2/1981, Mahkamah Kadi Besar.
17. Md. Faizal b. Hj Hidup lwn. Rosiah bt. Zaini, M.K.B. 283/96, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
18. Norhani bt. Kula lwn. Haji Jaini b. Ajak, M.K.B. 209/96, Mahkamah Daerah Brunei dan Muara.
19. Pengiran Haji Soffian b. Pengiran Haji Aliuddin lwn. Dayangku Hajah Samsinah, M.K.B.61/91, Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara.
20. Pg. Chuchu lwn. Pg. Damit, M.K.B. CM 3/70, Mahkamah Kadi Besar Brunei.
21. Teh bt. Chik lwn. Kalsom bt. Haji Abbas (1939), MLJ 289.
22. Ziziumiza b. Mohammad lwn. Hasnah bt. Abdullah, M.K.B. 94/93, Mal : 115/93, Mahkamah Daerah Brunei dan Muara.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
HALAMAN JUDUL	I
PENGAKUAN	II
DEDIKASI	III
ABSTRAK	IV
PENGHARGAAN	VI
TUJUAN KAJIAN	VIII
METODOLOGI KAJIAN	X
SENARAI STATUT	XIII
SENARAI KES	XIV
ISI KANDUNGAN	XVI

### **BAB 1 SEJARAH UNDANG-UNDANG KELUARGA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Undang-Undang Keluarga sebelum kedatangan British	3
1.2.1	Undang-Undang Adat	4
1.2.2	Hukum Kanun Brunei	5
1.3	Undang-Undang Keluarga Setelah Kedatangan British	10

1.3.1	<b>Muhammadan Laws Enactment (No.1 of 1912)</b>	11
1.3.2	<b>The Muhammadan Marriage and Divorce Enactment (No.3 of 1913)</b>	13
1.3.3	<b>Brunei Order in Council 1924, (No.1 of 1924) Additional Muhammadan Laws, Brunei 195/1924</b>	14
1.3.4	<b>Religious Council and Kathis Courts Enactment 1955 (No.20 of 1955)</b>	17
1.3.5	<b>Perlembagaan Brunei 1959</b>	29
1.3.6	<b>Religious Council and Kathis Courts act, Chapter 77 of The Laws of Brunei Darussalam</b>	30
1.4	<b>Kesimpulan</b>	32

## **BAB 2 PERLAKSANAAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN MENURUT UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI, PENGGAL 77**

2.1	<b>Pendahuluan</b>	36
2.2	<b>Jenis-Jenis Pembubaran Perkahwinan Mengikut Undang-Undang Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77</b>	37
	2.2.1 <b>Konsep Talak Dalam Syari'at Islam</b>	37
	2.2.1.1 <b>Dalil Pengharusan Talak</b>	38

2.2.1.2	<b>Hukum Talak</b>	39
2.2.1.3	<b>Syarat-Syarat Sah Talak</b>	41
2.2.1.4	<b>Jenis-Jenis Talak</b>	42
2.2.1.5	<b>Lafaz Talak</b>	44
2.2.1.6	<b>Hikmat Persyari'atan Talak</b>	45
2.2.2	<b>Talak dalam Akta Majelis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah</b>	
	<b>Kadi Penggal 77 : Bidang Kuasa Mahkamah dan Perlaksanaannya</b>	47
2.2.2.1	<b>Data Perceraian</b>	49
2.2.3	<b><i>Khulu'</i> (Tebus Talak) Dalam Syari'at Islam</b>	54
2.2.4	<b><i>Khulu'</i> di dalam Akta Majelis Ugama Islam Dan Mahkamah-</b>	
	<b>Mahkamah Kadi Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan</b>	
	<b>Perlaksanaannya</b>	56
2.2.4.1	<b>Data Pembubaran Perkahwinan Secara <i>Khulu'</i></b>	59
2.2.5	<b><i>Fasakh</i> Dalam Undang-Undang Syari'at Islam</b>	60
2.2.6	<b><i>Fasakh</i> dalam Akta Majelis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah</b>	
	<b>Kadi Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan Perlaksanaannya</b>	64
2.2.6.1	<b>Data Pembubaran Perkahwinan Secara <i>Fasakh</i></b>	67
2.2.7	<b><i>Taklik</i> Dalam Konsep Syari'at Islam</b>	68
2.2.8	<b><i>Taklik</i> dalam Akta Majelis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah</b>	
	<b>Kadi Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan Perlaksanaannya.</b>	70

2.2.8.1	<b>Lafaz <i>Taklik</i></b>	71
2.2.8.2	<b>Data Pembubaran Secara <i>Taklik</i></b>	72
2.2.9	<b>Konsep <i>Li'an</i> Dalam Islam</b>	73
2.2.10	<b>Konsep <i>Ila'</i> Dalam Islam</b>	75
2.2.11	<b>Konsep <i>Zihar</i> Dalam Islam</b>	76
2.2.12	<b>Peruntukan Mengenai <i>Li'an</i>, <i>Ila'</i>, <i>Zihar</i> Dan Lain-Lain Dalam Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggali 77</b>	77
2.2.13	<b>Pertukaran Ugama</b>	78
2.2.14	<b>Anggapan Mati</b>	78
2.3	<b>Prosedur Pembubaran Perkawinan Di Mahkamah-Mahkamah Kadi Di Negara Brunei Darussalam</b>	79
2.3.1	<b>Peringkat Ketua Kampung atau Penghulu Kampung</b>	81
2.3.2	<b>Peringkat Unit Khidmat Nasihat Keluarga</b>	82
2.3.2.1	<b>Peringkat Pertama : Aduan</b>	83
2.3.2.2	<b>Peringkat Kedua : Perjumpaan dengan Pegawai Penasihat</b>	85
2.3.3	<b>Peringkat Hakam</b>	88
2.3.4	<b>Prosedur Di Peringkat Mahkamah Kadi</b>	89
2.4	<b>Kesimpulan</b>	91

## **BAB 3 SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

<b>3.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>93</b>
<b>3.2</b>	<b>Faktor- Faktor Yang Menyebabkan Berlakunya Pembubaran Perkahwinan</b>	<b>94</b>
3.2.1	Agama	95
3.2.2	Sosial	97
3.2.3	Ekonomi	99
3.2.4	Saikologi (Tiada Persefahaman)	100
3.2.5	Pengabaian Tanggungjawab Sebagai Suami Atau Isteri	102
3.2.6	Seksual Dan Kesihatan	105
3.2.7	Komunikasi	107
3.2.8	Poligami	109
3.2.9	Campur Tangan Mertua Dan Keluarga	111
<b>3.3</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>113</b>

## **BAB 4 KESAN PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

<b>4.1</b>	<b>Pendahuluan</b>	<b>115</b>
<b>4.2</b>	<b>Kesan Pembubaran Perkahwinan Ke Atas <i>Mut'ah</i> Menurut Syari'at Islam</b>	<b>116</b>
4.2.1	Hukum <i>Mut'ah</i>	117
4.2.2	Kadar Pemberian <i>Mut'ah</i>	118

4.3	<b>Mut'ah Menurut Peruntukan Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah- Mahkamah Kadi, Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Dan Perlaksanaan</b>	119
4.3.1	<i>Mut'ah</i> Hak Wanita	122
4.4	<b>Kesan Pembubaran Perkahwinan Ke Atas Nafkah 'Iddah Menurut Islam</b>	124
4.4.1	Isteri Yang Berhak Mendapat Nafkah 'Iddah	124
4.4.2	Isteri Yang Tidak Ada Hak Nafkah 'Iddah	128
4.5	<b>Nafkah 'Iddah Menurut Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah- Mahkamah Kadi Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan Perlaksanaannya</b>	129
4.5.1	Kadar Nafkah 'Iddah	131
4.6	<b>Nafkah Anak Dan Hukumnya Di Dalam Syari'at Islam</b>	132
4.6.1	Orang Yang Berhak Memberi Nafkah	134
4.6.2	Syarat Nafkah Anak	134
4.7	<b>Nafkah Anak Di Bawah Peruntukan Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah - Mahkamah Kadi Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan Perlaksanaannya</b>	135
4.8	<b>Kesan Pembubaran Perkahwinan Ke Atas <i>Hadhanah</i> Menurut Syari'at Islam</b>	140
4.8.1	Hukum <i>Hadhanah</i>	141
4.8.2	Orang Yang Berhak Terhadap Penjagaan Anak	142

4.8.3	Tempoh <i>Hadhanah</i>	145
4.8.4	Susunan Orang Yang Berhak Ke Atas <i>Hadhanah</i>	147
4.8.5	Syarat-Syarat <i>Hadhinah</i> (Syarat-Syarat Penjaga)	149
4.9	<i>Hadhanah</i> Menurut Akta Majlis Ugama Islam Dan Mahkamah- Mahkamah Kadi, Penggal 77 : Bidangkuasa Mahkamah Dan Perlaksanaanya	151
4.10	Kesan Pembubaran Perkahwinan Ke Atas Harta Sepencarian	155
4.10.1	Tuntutan Dan Kadar Pembahagian	158
4.11	Kesimpulan	161

## BAB 5 PENUTUP

5.1	Rumusan Dan Kesimpulan	163
5.2	Pandangan Dan Cadangan	170

BIBLIOGRAFI	174-181
-------------	---------

## BAB 1

# SEJARAH UNDANG-UNDANG KELUARGA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### 1.1 PENDAHULUAN

Brunei secara rasmi menerima agama Islam sebagai agama raja dan rakyat pada awal kurun ke 15 Masehi,<sup>1</sup> serentak dengan pengislaman Awang Alak Betatar<sup>2</sup> yang kemudiannya dikenali dengan nama Sultan Muhammad Shah.<sup>3</sup> Dalam abad ke 15 dan ke 16 Masehi, perkembangan agama Islam sangat pesat di Asia Tenggara termasuklah negeri Brunei. Namun terdapat bukti yang kukuh menunjukkan bahawa Islam telah pun sampai ke Brunei sejak abad yang ke 10 Masehi lagi.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Memang menjadi suatu kelaziman yang berlaku di Alam Melayu ini agama Islam telah berkembang terlebih dahulu (di kalangan penduduk tempatan) daripada perasmian agama Islam bagi negara itu. Apabila raja atau pemerintah sesebuah negara itu Islam, baharulah negara itu disebut negara Islam. Lihat Awang Haji Muhammad b. Abdul Latif, Awang Haji Hashim b. Haji Mohd. Noor, Awang Haji Rosli b. Haij Ampal, *Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei, 1994, hlm. 9.

<sup>2</sup> Sultan Brunei yang pertama. Memerintah di sekitar tahun 1363-1402 Masihi. Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil al-Sufri, *Latar Belakang Sejarah Brunei*, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan, Brunei, 1990, hlm. 33.

<sup>3</sup> P.L Amin Sweeney, *Silsilah Raja-Raja Brunei*, *JMBRAS*, Vol. 41, Pt. 2, 1968, hlm. 51-52.

<sup>4</sup> Dato Dr. Haji Mahmud Saedon Awang Othman, *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam : Satu Tinjauan*, (Brunei : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996 ), hlm. 18.

Perkembangan agama Islam di Asia Tenggara termasuk Brunei pada peringkat awal kurang mendapat sambutan dari penduduk tempatan. Ia hanya dianuti oleh sebahagian kecil rakyat biasa, atau hanya golongan pedagang-pedagang Islam yang berada di Brunei. Sambutan dingin ini mungkin berpunca daripada wujudnya persaingan pengaruh Hindu yang telah lama dianuti oleh penduduk-penduduk alam Melayu.<sup>5</sup>

Brunei mengambil alih sebagai pusat perkembangan Islam selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis. Brunei menjadi penggerak kepada perkembangan Islam di sebelah timur Kepulauan Melayu hingga ke Pulau Luzon, Cebu, Otan, dan lain-lain lagi. Di sebelah barat, Aceh telah dapat menggantikan Melaka. Pada tahun 1447-1451 Masihi, Islam telah bertapak di Majapahit semasa pemerintahan Kertawijaya.<sup>6</sup> Sementara itu, Kepulauan Maluku di Indonesia termasuklah Ambon, Banda dan lain-lain telah menerima Islam kira-kira tahun 1521 Masehi.<sup>7</sup>

Apabila Islam berkembang dan diterima di Brunei secara langsung atau tidak, agama Islam telah merubah fahaman, keadaan kehidupan rakyat dan corak pentadbiran pemerintahan raja-raja Brunei. Sebelum itu mereka dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha. Terdapatnya undang-undang Islam yang bertulis dan dikanunkan seperti Hukum Kanun Brunei dapatlah dianggap sebagai bukti jelas wujudnya pentadbiran dan

---

<sup>5</sup> *Ibid.* , hlm. 18.

<sup>6</sup> Dr. Syed Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago* , (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka , 1969), hlm. 13.

<sup>7</sup> *Ibid* , hlm. 14.